

Lebih ramai anak muda miliki rumah

Terdapat peningkatan dalam pemilikan rumah di kalangan orang muda berusia 40 tahun ke bawah.


LAPORAN MUKA DEPAN

Statistik Bancian 2020 dapati 44 peratus pemilikan rumah adalah dalam kalangan belia, semakin naik berbanding 10 tahun lepas

Oleh **NURUL NABILA AHMAD HALIMY SHAH ALAM**



MOHD UZIR

Sebanyak 44 peratus pemilikan rumah di Malaysia adalah dalam kalangan belia atau golongan muda berumur 40 tahun ke bawah berdasarkan Laporan Penemuan Utama Banci 2020.

Ketua Perangkawan Malaysia, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin berkata, 44 peratus pemilikan rumah dalam kalangan belia itu merupakan satu jumlah angka yang se-

cara relatifnya memuaskan.

“Penemuan Banci 2020 menunjukkan jumlah

pemilikan persendirian tempat kediaman di Malaysia adalah sebanyak 70.8 peratus manakala 29.2 peratus adalah bagi lain-lain kategori di antaranya pemilikan kerajaan atau swasta.

“Pemilikan bagi golongan muda iaitu merujuk kepada belia berumur 15 hingga 40 tahun adalah sebanyak 44 peratus. Pada kebiasaannya, pembelian rumah oleh belia bermula apabila mereka telah mempunyai kerjaya dan keupayaan kewangan yang stabil dalam lingkungan 25 tahun ke atas,” katanya kepada *Sinar Premium*.

Tambahnya, golongan lelaki lebih mendominasi pembelian rumah persendirian berbanding golongan wanita.

“Lelaki mencatatkan pemilikan persendirian sebanyak 56.4 peratus berbanding wanita dengan 43.6 peratus.

“Pemilikan golongan lelaki untuk belia berumur 15 hingga 40 tahun adalah 56.5 peratus manakala wanita adalah 44.5 peratus,” katanya.

Dalam pada itu, trend pemilikan hartanah dalam kalangan belia sekarang ini semakin meningkat berbanding 10 tahun lepas.

Sebelum ini, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Seri Reezal Merican Naina Merican turut mendedahkan, sebanyak 50 peratus atau 17,543 pembeli rumah Projek Perumahan 1Malaysia (PR1MA) di seluruh negara terdiri daripada golongan muda yang berusia 25 hingga 35 tahun setakat Disember 2021.